



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENOLONG JURUUKUR AGUNG (KUMPULAN 3)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG JURUUKUR AGUNG
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN 3 (\$4,750 EB KHAS \$4,960 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kawalan Sistem Maklumat Tanah/ Pemetaan Geomatik dan Informatik / Ukur Geodetik dan Kadastral / Ukur Tanah atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruukur Kanan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan Ukur Tanah atau Geomatik dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Juruukur Agung dalam urusan pentadbiran dan kerja-kerja teknikal dalam Ukur Kadastra dan Kerja Ukur Geodetik di seluruh Negara;
2. Membantu Juruukur Agung dalam urusan pentadbiran dan kerja-kerja Teknikal Pemetaan & *Geographic Information System (GIS)*, Hidrografi dan Sempadan Antarabangsa di seluruh Negara;
3. Membantu tugas-tugas Timbalan Juruukur Agung;
4. Penguasa bagi beberapa bahagian di dalam Jabatan;
5. Penolong Wakil Pengurusan '*Management Representative*' (MR) dalam Pengurusan Sistem *ISO 9001:2000*;



6. Memantau perkembangan Hasil dan Perbelanjaan bahagian-bahagian di bawah kawalan;
7. Menjalankan tugas-tugas sebagai Audit Dalaman;
8. Memahami keperluan pelanggan masakini dan di masa akan datang;
9. Mempromosikan dasar dan matlamat untuk meningkatkan kesedaran, motivasi dan penglibatan semua warga ukur; dan
10. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.